

28 OCT 2003

Mahathir-Minoriti/I

PUJIAN KEPADA DR MAHATHIR KERANA AMBIL BERAT GOLONGAN MINORITI

PUTRAJAYA, 28 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dipuji kerana memberi peluang kepada golongan minoriti di negara ini untuk memajukan diri sepanjang tempoh 22 tahun menjadi perdana menteri.

Dalam memuji Dr Mahathir, yang bersara Jumaat ini, Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dayak Sarawak (DCCI) Datuk Amar Dr Leonard Linggi Jugah berkata dasar kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir sangat dihargai.

"Saya pasti bahawa kepimpinan baru negara ini akan meneruskan dasar itu yang membantu semua komuniti di Malaysia.

"Kami berharap beliau akan terus memberi tumpuan kepada golongan minoriti termasuk kaum Dayak di Sarawak dan Kadazan di Sabah," katanya kepada pemberita selepas mengetuai delegasi 14 anggota DCCI mengunjungi Dr Mahathir di sini.

Dr Mahathir akan digantikan oleh timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Linggi berkata Perdana Menteri telah menasihatkan anggota komuniti Dayak yang berminat menjalankan perniagaan supaya mengamalkan disiplin diri dan keinginan untuk bekerja keras.

"Beliau (Dr Mahathir) berkata mulakan dari awal dan berusaha dari situ supaya seseorang itu memahami bidang perniagaan dan mempunyai disiplin yang tertentu.

"Menurut beliau, itu adalah syarat awal untuk memastikan perniagaan itu berjaya," katanya.

Linggi juga menyatakan penghargaan DCCI kepada Dr Mahathir kerana bantuannya dalam menubuhkan badan berkenaan pada Januari tahun ini.

"Bagi pihak DCCI, saya ingin berkata bahawa kami sangat menghargai terhadap apa yang Dr Mahathir lakukan dalam mengubah negara kita dari sebuah ekonomi agraria kepada ekonomi yang sofistikated dan maju," katanya.

DCCI, yang kini mempunyai 300 anggota, dibentuk bertujuan untuk membantu anggotanya meraih lebih manfaat daripada perkembangan ekonomi Malaysia.

-- BERNAMA

MAM DC RON